



DIHUKUM: Tertuduh (kiri) diiringi anggota polis keluar dari kamar Mahkamah Majistret Kuching semalam selesai dijatuhkan hukuman.

Wanita Vietnam mengaku terlibat aktiviti persundalan, tinggal melebihi tempoh

KUCHING: Seorang wanita warga Vietnam didenda RM13,000 atau tujuh bulan penjara semalam selepas mengaku bersalah terlibat dengan aktiviti persundalan dan tinggal di negara ini melebihi tempoh sah yang dibenarkan.

Nguyen Thi Sao Ly, 31, yang tidak diwakili peguam, berdepan dua pertuduhan, masing-masing di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret di sini.

Di Mahkamah Sesyen, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (4) akta sama akibat tinggal di negara

ini setelah pas lawatan sosial yang dikeluarkan kepadanya tamat tempoh sah.

Hakim Noorhisham Mohd Jaafar memerintahkan tertuduh didenda RM10,000 atau empat bulan penjara bagi kesalahan itu.

Di Mahkamah Majistret, tertuduh berhadapan pertuduhan mencari langganan bagi tujuan persundalan dan seterusnya didakwa mengikut Seksyen 372B Kanun Keseksaan.

Untuk itu, Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman denda RM3,000 atau tiga bulan penjara terhadapnya.

Mahkamah turut memer-

intahkan tertuduh dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tindakan selanjutnya setelah selesai membayar denda atau menjalani hukuman kelak.

Fakta bagi kedua-dua kes mendedahkan polis semasa Ops Noda menyerbu sebuah pusat kecantikan di Jalan Airport di sini pada 1 Februari 2026 sekitar jam 10.40 malam setelah menerima maklumat berhubung kegiatan persundalan di sana.

Polis kemudian menahan tertuduh dan merampas beberapa barangan seperti sebuah telefon pintar, sekeping kondom yang belum digunakan, seunit tisu basah dan tisu ker-

ing, sehelai tuala serta wang tunai berjumlah RM280.

Hasil siasatan kemudiannya mendapati tertuduh telah mencari pelanggan untuk tujuan persundalan dengan menawarkan perkhidmatan seks.

Siasatan lanjut juga mendapati tertuduh yang merupakan warga Vietnam telah tinggal lebih masa di negeri ini selama 30 hari selepas tamat tempoh pas lawatan sosialnya.

Pendakwaan dilakukan secara berasingan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Adriana Maisarah Mohd Farid dan DPP Ahmad Fauzulutfi Suriani.